

04/01/2004

Bahasa Inggeris, bedah lidah dan SMS

KHABARNYA semakin ramai ibu bapa di Korea Selatan yang tergamak memaksa anak mereka menjalani pembedahan lidah bagi mengangkat pertuturan dalam bahasa Inggeris ke tahap sempurna.

Betapa menyakitkan apabila jaluran tisu nipis di bawah lidah dipotong bagi membebaskan pergerakan lidah dalam menyempurnakan sebutan perkataan yang bermula dengan huruf "L" dan "R" sebagai jaminan terhadap masa depan lebih cerah dalam persaingan yang semakin kompetitif.

Berlawanan dengan jangkaan amalan sedemikian amat bertentangan dengan tabii dan seharusnya dicemuh, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Korea sebaliknya menerbitkan sebuah filem bagi menakut-nakutkan ramai terhadap kesan buruk jika perbuatan itu dihentikan.

Betapa pula berbezanya keadaan di Malaysia sebagai sebuah negara Komanwel apabila kemerosotan 1.8 peratus kelulusan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris bagi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun lalu dianggap tidak signifikan.

Sang Lamri sudah kerap mendengar pada masa lalu apabila ada saja teguran dibuat terhadap Kementerian Pendidikan, maka ia segera disimpulkan kononnya media massa mempunyai agenda tertentu. Tanggapan sebegini perlu dihentikan sekiranya peningkatan yang dikehendaki.

Andainya dihalusi daripada 403,108 calon yang mengambil subjek itu, peratusan calon yang mendapat E sebenarnya sama banyaknya dengan mereka yang mendapat A dan B dicampurkan, iaitu sekitar 32 peratus.

Hanya beberapa hari sebelum keputusan PMR 2003 diumumkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berhujah panjang lebar mengenai keperluan pendidikan disesuaikan dengan keperluan pasaran pekerjaan - tentunya penguasaan bahasa Inggeris tidak terkecuali pada era teknologi maklumat dan komunikasi ini.

Untuk Kementerian Pendidikan menyatakan tiada apa yang perlu dibimbangkan dengan anggapan kemerosotan 1.8 peratus itu adalah kecil dibandingkan dengan peningkatan 7.5 peratus pada tahun sebelumnya, bukanlah analisis yang relevan.

Sama ada benar atau tidak budaya sembang Internet serta penggunaan bahasa khidmat pesanan ringkas (SMS) oleh sebilangan calon menjadi antara faktor, punca sebetulnya hendaklah dikenal pasti dan penawarnya dicari.

Seperti yang pernah diutarakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bahawa seseorang perlu menguasai bahasa Inggeris dengan baik untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu berdasarkan semakin banyak kata pinjam yang digunakan, Sang Lamri percaya SMS bukan boleh dipersalahkan.

Hanya pelajar yang dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik berupaya menggunakan singkatan perkataan, baik menerusi sembang Internet atau SMS, tanpa terbawa-bawa dalam penulisan esei ketika peperiksaan.

Begitu juga hanya pelajar yang fasih bahasa Inggeris dapat membezakan di antara that means dan that's mean seperti yang kerap dipertuturkan ramai yang melihatnya serupa dan tiada cacat-cela.

Sang Lamri ingin meminjam kata-kata Pengarah Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr Awang Sariyan, bahawa masalah anak muda yang menggunakan bahasa campuran Melayu Inggeris dan SMS yang tidak difahami generasi lama bukan saja menjadi fenomena di Malaysia tetapi juga di negara lain.

Lantaran itu, kemerosotan penguasaan bahasa Inggeris - sebagaimana kecil

sekalipun - harus amat membimbangkan.